

Tangkapan terbaharu berhubung siasatan kes salah guna cap imigresen

Timbalan pengarah ditahan

Oleh SYED MOHD HAZIQUE
SYED NOR

PETALING JAYA – Seorang pegawai kanan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) berpangkat timbalan pengarah yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang ditahan kelmarin bagi membantu siasatan berhubung kes salah guna cap keluar masuk di pintu utama negara.

Turut ditahan dua lagi pegawai jabatan sama selepas mereka hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya petang kelmarin.

Menurut sumber, kesemua yang ditahan bagi membantu siasatan itu berusia antara 38 hingga 54 tahun.

“Ketiga-tiga pegawai imigresen terbabit kemudian dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk permohonan reman di bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah.

“Setakat ini seramai 53 orang berjaya ditahan dalam Ops Selat yang bermula sejak 16 November lalu, termasuk 33 anggota dan pegawai imigresen yang bertugas di KLIA, KLIA2 dan Bangunan Sultan Ismail, Johor Bahru,” ka-



SEBAHAGIAN individu yang ditahan dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya semalam untuk mendapatkan perintah reman bagi membantu siasatan kes salah guna cap keluar masuk di pintu utama negara.

tanya di sini semalam.

Dalam pada itu, SPRM turut mengemukakan permohonan lanjutan reman ke atas 10 individu yang diberkas sebelum ini.

Dua orang awam yang ditahan selepas dipercayai terlibat dalam urusan transaksi rasuah baru-baru ini pula dibebaskan dengan

jaminan SPRM.

Kosmo! semalam melaporkan kemewahan luar biasa seorang anggota imigresen Gred 19 yang dikesan ‘memiliki’ empat kenderaan mewah termasuk jenis Rolls-Royce Phantom yang berharga sekitar RM6 juta dipercayai hasil kegiatan haram salah guna cap di

pintu utama negara.

Perkara itu terbongkar selepas SPRM melakukan siasatan berikutan penahanan 28 anggota dan pegawai imigresen di Selangor dan Johor sejak Selasa lalu.

Siasatan awal mendapati kenderaan jenis Rolls-Royce Phantom, Ford Mustang, Range Rover



KERATAN Kosmo! semalam.

dan Audi itu didaftarkan atas nama empat ejen termasuk dua warga China. Mereka adalah ejen pekerja asing warga China yang beroperasi di negara ini.

Keempat-empat kenderaan itu bagaimanapun disimpan oleh seorang ejen tempatan.

Terdahulu pada Rabu lalu, SPRM turut membongkar kegiatan salah guna cap di sempadan negara sejak setahun lalu dengan penahanan 46 individu termasuk 27 anggota dan pegawai imigresen.

Sindiket tersebut menyasarkan pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin dengan menggunakan taktik pasport terbang dan setting counter khususnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2, Sepang.